

Tarikh Dibaca: 06 September 2024M | 2 Rabi'ul Awwal 1446H



ISLAMIC • SAVIOUR • OBEDIENCE

KHUTBAH JUMAAT

Tajuk:

“BATASI NAFSU HINDARI MARAH”

Terbitan:

Unit Khutbah

Bahagian Pengurusan Masjid

JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR



“BATASI NAFSU HINDARI MARAH”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : الَّذِينَ يُنْفِقُونَ فِي السَّرَّاءِ وَالضَّرَّاءِ وَالْكُظُمِينَ
الْغَيْظِ وَالْعَافِينَ عَنِ النَّاسِ وَاللَّهُ يُحِبُّ الْمُحْسِنِينَ ^١

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ.

أَمَّا بَعْدُ، يَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى
اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ ^٢

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah SWT dengan melaksanakan segala perintah-Nya dan meninggalkan segala perkara yang dilarang-Nya. Semoga kita semua diberi kebahagiaan dan kejayaan di dunia dan akhirat.

Pada hari yang mulia ini mimbar akan membicarakan khutbah bertajuk
“BATASI NAFSU HINDARI MARAH”.

Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah SWT,

¹ Ali-Imran : 134

² Ali-Imran: 102



Marah merupakan salah satu sifat mazmumah dan cabang nafsu yang wujud dalam diri manusia. Sebagai orang yang beriman, kita dituntut untuk mengawal nafsu daripada merosakkan hati dan iman. Sering kali manusia melakukan dosa akibat tidak dapat mengawal nafsu dan api kemarahan namun kita perlu berusaha mengurus sifat marah. Begitu juga, keperluan nafsu dalam kehidupan terkait dengan urusan kehidupan seharian seperti makan, minum dan berkahwin. Nafsu marah yang tidak terkawal akan mendatangkan perbuatan keji seperti menyakiti dan memukul orang, mengeluarkan kata-kata kesat termasuk dalam bentuk tulisan seperti memfitnah, mencaci maki, bercakap kotor dan pelbagai bentuk perbuatan termasuk mencederakan orang lain.

Sifat marah hanya dapat dibendung dengan mempraktikkan sifat sabar dalam urusan kehidupan. Namun begitu, sabar dalam keadaan marah bukanlah suatu perkara yang mudah untuk dilaksanakan. Ia memerlukan ketahanan dan keteguhan iman bagi merasionalkan emosi yang agresif dan pemikiran yang kusut.

Hadis daripada abu Sa'id al-Khudri Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:

إِنَّ الْغَضَبَ جَمْرَةٌ فِي قَلْبِ ابْنِ آدَمَ

"Sesungguhnya marah itu adalah batu api di dalam hati anak Adam".

(Riwayat Imam al-Tirmizi).

Tetamu Allah SWT yang dikasihi sekalian,

Sejak akhir-akhir ini, kita digemparkan dengan pelbagai kes jenayah tragis yang dilaporkan sama ada di dada-dada akhbar atau di media-media sosial. Beberapa siri kejadian jenayah bunuh yang membimbangkan



masyarakat berlegar dalam info-info media sosial. Terserlah perbuatan kejam yang bertentangan dengan norma dan akal waras manusia. Ia dilakukan oleh si pelaku yang mengikut kehendak nafsu jahat dan gagal mengawal marah yang membelenggu diri. Siri kejadian yang berlaku dan berulang menjadikan kita berfikir dan merenung jauh ke dalam diri, dimanakah hilangnya sifat ihsan dan perikemanusiaan hingga hilang pertimbangan dan rasa belas kasihan terhadap sesama insan. Sedangkan Rasulullah SAW menegaskan agar umatnya hendaklah sentiasa berkasih sayang sesama manusia dan kepada makhluk lain.

Hadis daripada Abdullah bin 'Amru Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud:

"Orang yang mengasihi akan dikasihi oleh Allah Yang Maha Pengasih. Kasihilah siapa yang di bumi nescaya kalian akan dikasihi siapa yang di langit".

(Riwayat at-Tirmizi).

Hakikatnya, kita mengetahui setiap kekejaman adalah salah dari segi moral dan agama namun perbuatan tersebut dilihat gagal dibendung dan dikekang dalam masyarakat serta merosakkan nilai kemanusiaan sejagat. Apa pun alasan sipelaku yang membunuh jiwa seseorang tanpa hak tetap berdosa dan ianya termasuk dalam kategori dosa-dosa besar. Mereka perlu bertaubat bersungguh-sungguh dengan kembali taat kepada Allah SWT dan perlu menyesal atas perbuatan dosa yang dilakukan serta memohon keampunan Allah SWT. Begitu juga, Allah SWT mengancam orang-orang yang melakukan dosa dan melampau batas itu akan dicampakkan ke dalam api neraka.

Firman Allah SWT dalam surah Al-Nisa' ayat 14:



وَمَنْ يَعِصِ اللَّهَ وَرَسُولَهُ وَيَتَعَدَّ حُدُودَهُ يُدْخِلْهُ نَارًا خَالِدًا فِيهَا
وَلَهُ عَذَابٌ مُهِينٌ ﴿١٤﴾

“Dan sesiapa yang derhaka kepada Allah dan Rasul-Nya, dan melampaui batas-batas syariat-Nya, akan dimasukkan oleh Allah ke dalam api neraka, kekallah ia di dalamnya, dan baginya azab seksa yang amat menghina.”

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Tidak dinafikan, kadangkala perbuatan dan tindakan di luar kawalan manusia berpunca dari nafsu marah yang membuak-buak sehingga menjadi dendam kesumat. Selain itu, tekanan emosi yang tidak stabil serta terpedaya dengan belitan bisikan syaitan yang menyesatkan mengajak melakukan perkara kemungkar. Ini kerana, manusia yang mengikut telunjuk nafsu marah lebih mudah terperangkap dan terpedaya dengan godaan nafsu untuk melakukan sesuatu perbuatan diluar batasan.

Hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahuanhu bahawa Rasulullah SAW bersabda :

أَنَّ رَجُلًا قَالَ لِلنَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ: أَوْصِنِي، قَالَ:
لَا تَغْضَبُ، فَرَدَّدَ مِرَارًا، قَالَ: لَا تَغْضَبُ.

“Bahawa seorang lelaki berkata kepada Nabi Muhammad SAW: Berilah wasiat kepadaku. Rasulullah SAW bersabda: Jangan kamu marah, beberapa kali, kemudian Nabi bersabda lagi : Jangan kamu marah”

(Riwayat al-Bukhari).



Dalam menjalani kehidupan sebagai khalifah Allah SWT, kita perlu membatasi nafsu dan hindari marah dengan mentaati perintah dan larangan Allah SWT. Setiap manusia perlu merawat kepelbagaian penyakit jiwa.

Maksud penyakit jiwa bukanlah penyakit mental namun penyakit hati. Ianya sifat-sifat mazmumah yang membelit dan melingkari hati seperti dendam, hasad, marah, iri hati dan sebagainya. Bahkan, penyakit mazmumah adalah punca utama dan penyebab kepada penyakit lahiriah. Ini bermaksud, jika penyakit jiwa dan fikiran dapat dirawat maka sudah pasti penyakit lahiriah juga akan dapat dirawat.

Firman Allah SWT dalam surah Yusuf ayat 53:

إِنَّ النَّفْسَ لَأَمَّارَةٌ بِالسُّوءِ إِلَّا مَا رَحِمَ رَبِّي إِنَّ رَبِّي غَفُورٌ رَحِيمٌ

"Sesungguhnya nafsu manusia itu sangat menyuruh melakukan kejahatan, kecuali orang-orang yang telah diberi rahmat oleh Tuhanku (maka terselamatlah ia dari hasutan nafsu itu). Sesungguhnya Tuhanku Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani."

Seterusnya dekatilah al-Quran dalam urusan kehidupan seharian. Jadikan al-Quran sebagai teman dalam setiap urusan kehidupan. Ini kerana, membaca al-Quran adalah satu keutamaan kerana golongan yang mencintai al-Quran dijanjikan pelbagai kelebihan dan hikmah tersirat yang tiada tandingan. Melalui penghayatan dan *tadabbur* al-Quran jiwa menjadi tenang dan damai, hati dan fikiran juga dididik dan dijentik tentang kebesaran dan kekuasaan Allah SWT, tentang kewujudan syurga, neraka dan perkara-perkara ghaib yang lain. Pada tahap ini, iman mula bercambah menusuk ke dalam jiwa dan hati orang Mukmin berteraskan kepada ilmu wahyu dan kalam ilahi.



Hadirin yang berbahagia,

Belajarlah dan berusaha sedaya upaya untuk menahan dan mengawal nafsu marah. Ini kerana, ianya merupakan satu sikap dan amalan terpuji serta dituntut oleh Allah SWT. Realitinya, kita tidak mampu menahan marah atas ujian yang kecil mahupun besar. Kadang-kala, apabila muncul ujian, menahan marah dalam diri sukar untuk dipraktikkan meskipun pada perkara-perkara yang remeh. Sebagai orang beriman, kita perlu sedari dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengawal nafsu marah. Ini kerana, sikap menahan marah mendidik diri bertenang dan menyesuaikan perubahan diri akibat emosi dan tekanan yang sedang membelenggu diri.

Ketahuilah, proses menahan marah bukanlah suatu perkara yang mudah, ia memerlukan kesungguhan secara istiqamah dan bersabar dengan ujian kehidupan.

Muslimin yang dirahmati Allah SWT sekalian,

Terdapat kesan besar kepada individu, komuniti dan masyarakat akibat daripada perbuatan dan tindakan diluar batasan nafsu marah. Bagi individu sipelaku yang dikenakan hukuman sudah pasti akan menyesali tindakan perbuatannya dan merana sepanjang hidup serta dihantui perasaan bersalah sepanjang hayat ibarat menyesal dahulu pendapatan menyesal kemudian tiada gunanya. Dari sisi lain, orang yang rapat dengan si pelaku dalam kalangan ahli keluarga, rakan taulan dan masyarakat setempat akan menerima kesannya. Ahli keluarga akan dibayangi dengan perasaan malu untuk berdepan dengan masyarakat. Ini semua kesan jangka panjang terhadap perbuatan dan tindakan melampau selama beberapa detik namun memusnahkan seluruh kehidupan.

Justeru, sebagai orang beriman kita perlu menjadi individu yang bertimbang rasa dan bersabar meskipun kadang-kala menempuh situasinya



yang sukar untuk menenangkan hati kita hingga dapat mendidik jiwa menjadi muslim yang baik dan bertanggungjawab. Oleh itu, rawatlah kepelbagaian emosi marah, sedih, duka, takut, gembira dan kecewa dengan memperteguhkan iman dan tauhid, menyemai sifat sabar dalam hati, tingkatkan amalan kebaikan dan istiqamah mengerjakan solat secara berjemaah.

Firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 277 bermaksud :

"Sesungguhnya orang-orang yang beriman, mengerjakan amal saleh, mendirikan solat dan menunaikan zakat, mereka mendapat pahala di sisi Tuhannya. Pada mereka tidak ada kekhuatiran dan tidak (pula) mereka bersedih hati"

Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Mengakhiri khutbah pada hari ini, marilah kita mengambil beberapa pengajaran daripada khutbah ini untuk dijadikan panduan dalam hidup kita iaitu:

1. Umat Islam hendaklah yakin bahawa Allah SWT mencintai dan mengasihi hamba-Nya yang berkasih sayang dan berbelas ihsan sesama insan dan kepada makhluk lain.
2. Umat Islam hendaklah mengetahui bahawa sifat marah merupakan salah satu cabang nafsu yang berada dalam diri manusia yang boleh merosakkan hati dan iman.
3. Umat Islam hendaklah menghindari daripada mengikut telunjuk nafsu marah kerana ianya lebih mudah terperangkap dan terpedaya dengan godaan untuk melakukan sesuatu tindakan dan perbuatan yang diluar batasan.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



يَا أَيُّهَا النَّفْسُ الْمُطْمَئِنَّةُ ﴿٢٧﴾ ارْجِعِي إِلَىٰ رَبِّكِ رَاضِيَةً مَّرْضِيَّةً

﴿٢٨﴾ فَأَدْخِلِي فِي عِبَادِي ﴿٢٩﴾ وَأَدْخِلِي جَنَّتِي ﴿٣٠﴾

“Wahai jiwa yang tenang (muthmainnah), kembalilah kepada Tuhanmu dengan hati yang redha (kepada Allah) dan diredhai (oleh Allah), maka masuklah ke dalam golongan hamba-hamba-Ku, dan masuklah ke dalam Syurga-Ku.”

(Surah Al-Fajr : 27-30)

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ
مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ
الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ

KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ.
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ
مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ
الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ! اتَّقُوا اللَّهَ! أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ
بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

إِنَّ اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ
وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا ﴿٥٦﴾

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
أَجْمَعِينَ.

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ.

اللَّهُمَّ أَصْلِحْ أُمَّةَ الْمُسْلِمِينَ وَوُلَاةَ أُمُورِهِمْ وَجَمِيعَ الْمُسْلِمِينَ



اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى، وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى، أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةَ، وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةَ، جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ، سُلْطَانَ سَلَاطُونِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلَاحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج. اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهَدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لِيُوَلِّيَّ عَهْدِ سَلَاطُونِ، تَعَكُّوْا أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادریس شاه الحاج، فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنْكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطْلُ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

Ya Allah! kami berlindung dengan-Mu daripada ujian yang berat, daripada ditimpa kecelakaan, dari buruknya takdir dan dari kegembiraan para musuh atas ujian dan kecelakaan yang menimpa kami. Ya Allah, kami mengharap perlindungan-Mu, daripada hilangnya nikmat yang Engkau berikan, dari berubahnya kesihatan yang Engkau kurniakan, lindungi negeri kami dari datangnya bencana dan malapetaka. Ya Allah, hanya Engkau yang Maha menyelamatkan, selamatkan umat Islam dan Masjid Al Aqsa di Palestin.

Ya Allah! Jadikanlah kami antara hamba-Mu yang menjaga amanah. Kuatkan iman kami agar menjauhi perbuatan khianat serta jauhkan kami termasuk dalam golongan yang mengabaikan tanggungjawab dan jauhi negeri dan negara kami daripada kehancuran disebabkan perbuatan rasuah, penyelewengan dan salah guna kuasa. Serahkan tanggungjawab memimpin negara kami kepada hamba-Mu yang amanah dan jujur serta tegas lagi berani menegakkan kebenaran dan melaksanakan keadilan berlandaskan syariat. Jadikanlah Ya Allah masjid dan surau di Negeri Selangor rumah-rumah-Mu yang aman, mempersatukan dan menjadi nadi kekuatan ummah.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ﴿٧٤﴾
رَبَّنَا آتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ ﴿٢٠١﴾
عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ
الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾
فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ نِعَمِهِ يَزِدْكُمْ،
وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا
تَصْنَعُونَ.